

Kala Dalam Bahasa Arab: Analisis Program Minimalis

Tenses In Arabic Language: A Minimalist Program Analysis

Noor Suraiya Binti Mutalib
Fazal Mohamed Mohamed Sultan

Program Linguistik
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

fazal@ukm.edu.my

ABSTRAK

*Kala dalam bahasa Arab wujud dalam kata kerja. Oleh yang demikian, kajian ini lebih memberi tumpuan terhadap sistem kala dalam bahasa Arab Baku. Berdasarkan data yang telah dibentuk dan dikumpul berpandukan sebuah buku berjudul *Mulakhos Qowa'id Al-lughah Al-'arabiah* dengan bantuan seorang informan menggunakan kaedah kualitatif berorientasi analisis deskriptif, kala bahasa Arab bergabung terus dengan kata kerja dan ianya tidak mempunyai waktu yang tepat seperti kala masa dalam bahasa Inggeris. Kala bahasa Arab hanya terbahagi kepada dua jenis iaitu kala kini dan kala lampau. Kala masa akan datang pula tidak ditekankan kerana dianggap sama seperti kala masa kini dengan hanya menambahkan imbuhan 'sa' atau 'sawfa'. Dapatan kajian mendapati bahawa kata kerja bahasa Arab merangkumkan sekali penggunaan subjek dan kala dalam pada satu kata yang sama mengikut suatu bentuk ayat itu juga. Oleh itu, kajian ini cuba menjelaskan kala dan mengkategorikannya dalam kata kerja bahasa Melayu Standard. Hal ini bagi membantu dalam memahami penggunaan kala dalam kata kerja transitif, kata kerja tak transitif dan kata kerja dwitransitif. Kajian ini juga akan menghuraikan kala bahasa Arab melalui analisis sintaksis berpandukan kerangka Program Minimalis.*

Kata kunci: Kala, kata kerja, kala bahasa Arab, bahasa Arab Standard, kerangka minimalis.

ABSTRACT

*The Arabic tenses occur in its verbs. Therefore, this study focused on the tenses of Standard Arabic. The data are collected from a book entitled *Mulakhos Qowa'id Al-lughah Al-'arabiah* with the help of an informant. Whereas, the method employed in the present study is qualitative method with descriptive analysis. The findings revealed that Arabic tenses are joined directly with the verb and they are subjected to any changes according to time in comparison to the nature of English tenses. There are also two types of tenses in Arabic which are past tense and present tense. The distinction between future and present tense is not profoundly highlighted but they are still differentiated by the addition of the words 'sa' or 'sawfa'. Moreover, the results revealed that Arabic verb integrates the use of subject and tense according to the sentence. Therefore, this study explains the Arabic tenses and categorize them according to Standard Malay verb. This study sheds a light to the understanding of the use of tenses in the transitive verb, intransitive verb and also ditransitive verb. Last but not least, this study describes Arabic tenses through Minimalist framework.*

Key words: *Tenses, verbs, Arabic tenses, Standard Arabic language, Minimalist framework.*

1. Pengenalan

Kajian ini mengenai sistem kala amat menarik untuk dikaji. Kala merupakan terjemahan dari *tenses* dalam Bahasa Inggeris, sebetulnya kala (*tenses*) ini berbeza dengan waktu, walaupun ada juga yang memahaminya sebagai hal yang sama (Mansur Akil 2009). Dalam erti kata lain, *tenses* (kala) adalah bentuk verba atau serangkaian bentuk verba yang dipakai untuk mengungkapkan hubungan waktu (Hornby 1975; Quirk et al. 1985; Hartman & Stork 1976:235). Namun begitu, tidak semua bahasa mempunyai sistem kala termasuklah Bahasa Melayu. Aspek kala dalam bahasa Melayu berbeza dengan bahasa Inggeris kerana kala atau waktu sesuatu pekerjaan yang dilakukan dalam bahasa Melayu sering kali tidak dinyatakan kerana pendengar boleh menentukan waktunya berdasarkan hubungan dan konteks sesuatu ujaran (Karim Harun & Maslida Yusof, 2013). Jika perlu, ia akan dilakukan dengan bantuan kata keterangan seperti kelmarin, sekarang, nanti, tak lama lagi dan sebagainya (Fokker, 1954). Mengenai konsep kala (*tenses*), antara Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris memang terdapat sedikit banyak persamaan dan juga perbezaan.

Bahasa Arab kaya dengan kosa kata, istilah dan mempunyai tatabahasa yang tersendiri. Jelasnya bahasa Arab mempunyai ciri tatabahasa yang amat berbeza dengan bahasa Melayu (Zainur Rijal Abdul Razak & Mahmoud Mohamad Ali 2014). Kajian ini cuba membincangkan salah satu bahagian daripada aspek berikut iaitu kala yang terletak dalam kata kerja. Tiada bahagian yang khusus mengenai kala dalam Bahasa Arab tetapi ianya bergabung secara terus bersama kata kerja yang terbahagi kepada dua iaitu *fi' l madhi* (kata kerja masa kini) dan *fi' il mudhari'* (kata kerja masa lepas). Pengkajian sesuatu bahasa yang bersifat saintifik memerlukan kaedah dan teori yang boleh menghurai fenomena lakuan bahasa itu secara lebih kritis dan ilmiah. Hal ini kerana, hanya dengan menggunakan teori sahaja sesuatu lakuan bahasa itu boleh dijelaskan. Justeru itu, kajian yang akan dijalankan ini bertujuan untuk mengkaji kala dalam bahasa Arab Standard dengan menggunakan Program Minimalis yang diperkenalkan oleh Noam Chomsky pada tahun 1995.

Bahasa Arab sebenarnya berasal dari bahasa Semit. Bahasa Semit merupakan rumpun bahasa Afroasia. Sejarah dan asal-usul bahasa Arab sarna ada sebelum atau selepas kedatangan Islam, ternyata bahasa Arab mempunyai persamaan dengan bahasa serumpun dengannya yang dituturkan oleh orang-orang Ibrī, Habasyi, Aramiyyah dan selainnya (alYasu'iy 1986:87). Bahasa Arab merupakan satu-satunya bahasa utama di seluruh dunia Arab iaitu Mesir, Sudan, Libya, Tunisia, Maghribi, Algeria, Arab Saudi dan selainnya. Malah ia merupakan bahasa utama negara-negara bukan Arab seperti Republik Chad di Afrika Tengah dan bahasa minoriti di negara seperti Nigeria, Iran dan Soviet Union (Comrie, 1998:24). Titik tolak kemajuan dan perkembangan pesat bahasa Arab ini bermula sejak penurunan al-Quran dalam bahasa Arab (Abd Rauf Bin Dato' Hassan Azhari, 2004).

Tatabahasa dalam bahasa Arab melibatkan struktur perkataan, morfologi (binaan kata), struktur ayat, dan sintaksis (binaan ayat). Walaupun begitu, bahasa Arab tidak terlepas daripada penggolongan kata seperti bahasa Melayu iaitu Kata Nama, Kata Kerja, Kata Adjektif, dan Kata Tugas. Mengikut tatabahasa Arab, perkataan (kalimat dalam bahasa arab) merupakan unit terkecil dalam bahasa. Ianya terbahagi kepada isim (kata nama), *fi' il* (kata kerja) dan harf (kata sendi).

Menurut Al-Aqad (2013), bahasa Arab merupakan salah satu bahasa sejagat yang mempunyai struktur atau sistem bahasa yang berbeza dengan bahasa-bahasa yang lain. Bahasa Arab mempunyai struktur yang pelbagai antaranya Verb(V)- Subject(S)- Object(O) dan Subject(S)- Object(O)- Verb(V). Sebagai contoh, urutan kata bahasa Melayu ialah SVO

iaitu subjek-pelaku-objek manakala urutan kata bahasa Arab pula ialah VSO iaitu pelaku-subjek-objek. Beberapa kajian oleh penyelidik telah mendapati bahawa peratusan penggunaan struktur VSO dalam bahasa Arab lebih tinggi berbanding dengan SVO. Ini menunjukkan penggunaan VSO dalam bahasa Arab adalah struktur biasa berbanding SVO yang merupakan struktur normal dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Skop kertas kerja ini akan berfokus pada jenis kala yang terdapat dalam Bahasa Arab Standard yang kemudiannya dikategorikan mengikut kata kerja transitif, kata kerja tak transitif dan kata kerja dwitransitif. Data yang digunakan dalam kajian ini keseluruhannya berpandukan sebuah buku tatabahasa dan nahu bahasa Arab Standard. Seterusnya, data tersebut dianalisis secara deskriptif. Tujuannya adalah untuk mengenal bentuk kala lampau, kini dan depan yang terdapat dalam bahasa Arab Standard. Perbincangan meliputi susunan kala dan pelaku yang terdapat dalam kata kerja bahasa Arab Standard yang ternyata berbeza berbanding kala bahasa Melayu. Akhir sekali, data tersebut dianalisis secara teoritikal dengan menggunakan kerangka Minimalis.

2. Tinjauan Literatur

Karim Harun dan Maslida Yusof membuat kajian terhadap nahu Melayu abad ke-17 dengan meneliti aspek nahu di dalam buku perbualan Houtman (1603). Bahasa Melayu tidak mempunyai sistem kala seperti bahasa Latin, Inggeris dan Belanda. Dalam bahasa Melayu, kala atau waktu sesuatu pekerjaan dilakukan sering kali tidak dinyatakan, kerana pendengar boleh menentukan waktunya berdasarkan hubungan dan konteks sesuatu ujaran. Jika perlu, ia akan dilakukan dengan bantuan kata keterangan seperti *kelmarin*, *sekarang*, *nanti*, *tak lama* dan sebagainya. Namun dalam pemerhatian awal orang Belanda, Bahasa Melayu dilihat mempunyai penanda kata kerja seperti Belanda. Kedua-dua pengarang ini ini membincangkan jadual konjugasi Frederick Houtman dengan memberi tumpuan terhadap aspek kala dari perspektif sejarah linguistik. Mereka menggunakan *Model Climate of Opinion Koener* untuk menghuraikan aspek kala tersebut.

Diterangkan juga dalam kajian ini, walaupun dalam nahu Melayu kontemporari, aspek kala tidak lagi dibincangkan, tetapi dalam nahu abad ke-18 aspek ini masih dapat dikesan. Van Wijk (1909, 1985) misalnya masih membincangkan aspek kala. Beliau menyatakan aspek kala dalam Bahasa Melayu boleh dikesan melalui ayat atau penggunaan kata bantu. Beliau membahagikan kala dalam Bahasa Melayu kepada tiga, iaitu waktu sekarang, waktu lampau dan waktu akan datang. Untuk waktu sekarang, kata bantu yang digunakan ialah *ada*, *lagi*, *tengah*. Menurut van Wijk waktu sekarang juga berimperfektum kerana “perbuatannya digambarkan sebagai berada dalam waktu yang dibicarakan; sekarang, sekarang ini, kini” (Van Wijk, 1909, 1985). Kata bantu untuk menandakan waktu lampau pula ialah *soedah* dan *telah*, manakala kata bantu untuk waktu akan datang pula ialah *hendak*, *akan*, *nanti*, *maoe*, *djemah* (sekali, sesudah ini), *kelak*.

Hasil daripada analisis data oleh pengkaji tersebut, didapati daripada sebelas jadual yang dipaparkan oleh Houtman (1603), lima adalah jenis kala, iaitu kala kini, kala lampau selesai, kala akan datang dengan kata kerja *hebben*; kala kini dan kala lampau selesai dengan kata kerja *zijn*. Berikut adalah data kala kini dengan kata kerja *hebben*:

JADUAL 1. Konjugasi Kala Kini (sedang)

| | | |
|-----------------|-----------|------|
| Ick hebbe | Amba | |
| Ghy hebt | Tun | |
| Hy heft | Dya | |
| Wy hebben | Kyta | |
| Ghy luyden hebt | Kamoe | Adda |
| Zy luyden heben | Orang dya | |

Sumber: Houtman (1603)

Mohammed Taha, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Mohamed Subakir (2016) pula membincangkan mengenai kata kerja tak ergatif dalam *Sudanese Arabic*. Kata kerja tak ergatif pada asalnya dikenali sebagai kata kerja *agentive* kerana argumen utamanya ialah mengambil peranan teta agen. *Sudanese Arabic* digunakan untuk merujuk kepada bahasa Arab Klasik (CA). Derivasi pada kata kerja tak ergatif pada bahasa *Sudanese Arabic* tidak melalui sebarang proses morfologi dan sebaliknya lebih tertumpu pada proses sintaksis dan semantik. Sebagai contoh;

Ali *jaraa*

Ali run. (Past)

Ali run.

Jaraa: V: <DP>

<Agent>

3. Metodologi


Kajian ini sebenarnya banyak melibatkan penggunaan metodologi secara perpustakaan sahaja iaitu kajian yang tidak melibatkan aktiviti di lapangan. Data-data kajian ini dibina dan dibentuk berdasarkan maklumat berkaitan tatabahasa dan nahu bahasa Arab Standard yang diperolehi daripada sebuah kitab Arab yang berjudul *Mulakhos Qowa'id Al-lughah Al-'arabiah* yang dikarang oleh Ni'mah (1973). Pengkaji telah membentuk ayat mudah iaitu ayat yang mengandungi kata kerja tak transitif, kata kerja transitif dan kata kerja dwitransitif. Kesemuanya telah dibina berpandukan aturan bentuk tatabahasa dan nahu bahasa Arab Standard yang sedia ada dalam buku tersebut. Pemilihan ayat-ayat ini dibuat dengan bantuan seorang informan yang memiliki penguasaan yang baik dalam bahasa Arab Standard. Ayat-ayat tersebut disusun mengikut golongan kata kerja tak transitif, kata kerja transitif dan kata kerja dwitransitif dan juga setiap satu golongan kata kerja disertakan kata kerja mengikut kala lampau, kala kini dan kala depan. Kemudian pengkaji menganalisis setiap ayat dan menghuraikan beberapa contoh ayat dalam kerangka minimalis.

Proses penganalisisan data dibuat setelah semua data dikumpul. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam menghasilkan analisis deskriptif mengenai sistem kala dalam Bahasa Arab Standard. Setiap data yang ada dikelaskan mengikut kategori masing-masing iaitu pengelasan mengikut kata kerja tak transitif, kata kerja transitif dan kata kerja dwitransitif. pengelasan kata dilakukan dengan berpandukan sepenuhnya tatabahasa dan nahu bahasa Arab Standard. Seterusnya pengkaji menganalisis ayat-ayat tersebut mengikut kerangka program minimalis.

Kerangka Minimalis


Program Minimalis ialah teori nahu yang mengandaikan bahawa nahu sesuatu bahasa harus dibahagikan berdasarkan set minimum perkakasan yang diperlukan yang bersifat teori dan deskriptif (Radford 1997). Siti Khaotijah Binti Mohammad (2003:23) menyatakan salah satu daripada komponen fakulti bahasa ialah prosedur generatif (bahasa-I) yang

menjanakan penghuraian struktural bagi setiap sifat kompleks termasuk semantik dan fonetik berdasarkan teori manakala penghuraian struktural ialah ekspresi bahasa atau linguistik manakala teori ialah nahu bahasa. Dalam kerangka Minimalis, setiap struktur ayat akan dibentuk dengan menggunakan operasi gabungan secara berterusan (Fazal Mohamed Mohamed Sultan, 2010). Frasa atau ayat yang terbentuk akan dijana mengikut peringkat dalam kerangka minimalis sehingga ke peringkat yang terakhir iaitu Bentuk Logik (BL) dan Bentuk Fonologi (BF). Kedua-dua tahap ini mempunyai ciri antaramuka dan berperanan penting dalam proses derivasi. Pembentukan struktur ayat atau frasa pada peringkat awal dimulai dengan leksikon, kemudian proses pemilihan leksikal akan dilakukan dalam bahagian numerasi, penyemakan pula ditugaskan oleh cetusan dan akhirnya membawa kepada dua cabang iaitu BL dan BF sebagai suatu ayat yang gramatis. Kerangka Program Minimalis dapat dilihat seperti rajah 1.



RAJAH 1. Kerangka Program Minimalis


Menurut Chomsky, setiap manusia mempunyai leksikonnya tersendiri. Leksikon terdiri daripada senarai leksikal dalam bahasa natif seseorang seperti yang terkandung di dalam kamus. Leksikon tidak mempunyai susunan yang tetap dan teratur. Senarai leksikal akan dipilih dan bergabung menjadi frasa pada bahagian numerasi dan bertindak sebagai pemilih leksikal yang terdapat dalam leksikon penutur. Dua item leksikal akan dipilih daripada golongan kata iaitu kata kerja, kata nama, kata adjektif dan kata preposisi. Kata kerja merupakan elemen utama dalam ayat dan golongan kata ini akan memiliki perkataan yang boleh bergabung dengannya secara pemilihan dan penyemakan fitur (Fazal Mohamed Mohamed Sultan 2010). Leksikal yang bergabung dalam numerasi akan membentuk frasa dan menghasilkan satu hubungan adik-beradik yang membenarkan berlakunya penyemakan terhadap fitur yang tidak berinterpretasi di posisi kepala. Hipotesis utama dalam proses penggabungan ini hanya menggabungkan 2 objek sintaksis sahaja dan mestilah bersifat binari. Operasi gabung tersebut akan membentuk konstituen dan setiap konstituen tersebut akan diberikan label.



RAJAH 2. Proses Gabung

Rajah 2 menunjukkan struktur yang dikenali sebagai rajah pohon. X dan Y adalah objek dan apabila bergabung dengan objek Z akan membentuk satu objek yang baru dan struktur ini dikepalai oleh Z. Selain itu, keseluruhan struktur ini juga boleh diinterpretasikan oleh

label berkurung [z X Y]. Setiap fitur dalam frasa tersebut akan melalui peringkat cetusan dan pada bahagian ini, proses penyemakan dan penghapusan akan berlaku kecuali fitur yang berinterpretasi. Fitur tersebut tidak akan disemak pada bahagian ini dan akan melepasi cetusan ke peringkat BL dan BF manakala fitur tak berinterpretasi atau tidak bermakna wajib disemak dan dihapuskan sebelum sampai ke peringkat cetusan. Pada peringkat BL, hanya fitur berinterpretasi dapat difahami. Namun, sekiranya terdapat fitur yang tak berinterpretasi terlepas pada peringkat ini iaitu tidak disemak sebelum cetusan, ayat yang terhasil daripada pertuturan seseorang itu merupakan ayat yang nipurna. Proses penyemakan ini mudah difahami dengan menggunakan rajah di bawah.



RAJAH 3. Proses Penyemakan Fitur

Berdasarkan rajah 3 di atas, berlaku proses penyemakan sebelum sampai ke peringkat cetusan. Kata kerja *bakar* mempunyai fitur pemilihan-K dan fitur tak berinterpretasi [uN]. Manakala, kata nama *ayam* pula membawa fitur kategori N. Keadaan ini menyebabkan berlakunya penyemakan di antara kata kerja *bakar* yang memerlukan fitur N. Apabila kata kerja *bakar* yang membawa fitur tak berinterpretasi [uN] bertemu dengan kata nama *ayam* yang memegang fitur N maka proses penyemakan berlaku. Proses penyemakan ini berlaku adalah untuk mewujudkan ayat yang gramatis. Bagi fitur yang tak berinterpretasi pula, ia akan disemak dan dihapuskan sebelum sampai ke peringkat cetusan.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Kala Bahasa Arab Standard

Kala menunjukkan masa sesuatu perbuatan atau perkara yang dilakukan. Terdapat tiga aspek yang diambil kira iaitu kala masa kini, kala masa lampau dan kala masa akan datang. Namun begitu, konsep kala tidak wujud dalam Bahasa Melayu. Hal ini kerana, konsep kala tergolong dalam kata bantu. Secara umumnya, kala mengikuti kata kerja dalam bahasa Arab. Ini bermaksud kata kerja yang dinyatakan dalam bahasa Arab Standard kebiasaannya menunjukkan waktu walaupun tidak setepat kala dalam bahasa Inggeris. Kala bahasa Arab Standard terbahagi kepada dua iaitu kala lampau (fi'il madhi) dan kala kini (fi'il mudhari'). Kala akan datang (future tense) adalah sama seperti penggunaan fi'il mudhari' iaitu kala kini dan hanya menambah kata yang diletakkan di hadapan kata kerja iaitu 'sa' yang digunakan dalam masa terdekat dan 'sawfa' digunakan pada masa yang akan datang.

Frasa fi'il madhi secara bahasa ialah kata kerja yang lampau yang membawa maksud suatu kata kerja yang menunjukkan masa lampau atau lepas. Berikut contoh selanjutnya:

قَرَأْتُ الْكِتَابَ
 Qaraatu al-kitab
 Telah saya baca buku
 Saya telah membaca buku.

Kata kerja qaraatu berasal daripada kata dasar (قرأ) iaitu qaraa yang bermaksud 'baca' merupakan kata kerja lampau kerana kegiatan membacanya dilakukan pada masa lampau dan sudah tidak membacanya lagi.

Fi'il mudhari adalah fi'il (kata kerja) yang menunjukkan suatu perbuatan yang dilakukan pada masa sekarang dan yang dilakukan pada masa yang akan datang. Jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris, fi'il mudhari ini sama dengan *present tense* (*present continuous tense*) dan *future tense*. Contohnya, kata kerja *takkulu* تَأْكُلُ yang bererti "kamu sedang makan". Dengan hannya menambah kata *sa* atau *sawfa* di hadapan kata kerja kala kini *takkulu* تَأْكُلُ menjadi *satakkulu* سَتَأْكُلُ , dan ianya membawa maksud "kamu akan makan". Kata kerja kala kini bahasa Arab Standard juga berubah bentuk mengikut kata ganti nama diri (isim dhamir) yang berjumlah 14 bilangan.

4.2 Kata Kerja

Kata Kerja Tak Transitif

Kata kerja tak transitif (KKtr) merupakan kata kerja yang tidak lagi memerlukan objek di belakangnya. Nik Safiah Karim et. al. (2004) menyatakan bahawa kata kerja tak transitif ialah kata kerja yang tidak memerlukan objek penyambut dibelakangnya. Sulaiman Masri dan Ahmad Khair Mohd Nor (2002) pula menyatakan KKtr ialah kata kerja yang mempunyai makna yang sempurna serta dapat berdiri sendiri tanpa memerlukan objek. Berikut merupakan contoh KKtr bagi kala lepas:

(1) ***Ahmad nawmun.***

Ahmad nawmun
Ahmad telah tidur
Ahmad telah tidur.

Kata *nawmun* yang bermaksud 'tidur' berasal daripada kata dasar (نوم) iaitu *nawum*. Kata kerja *nawmun* terbentuk selepas pelaku iaitu subjek Ahmad yang merupakan seorang lelaki tunggal serta menunjukkan kala lampau. Dalam bahasa Arab Standard, kata kerja terbentuk mengikut jantina dan bilangan subjek serta waktu kejadian sama ada selepas, sekarang dan akan datang.

(2) ***Ahmad yanaamu.***

Ahmad ya naamu
Ahmad dia sedang tidur
Ahmad sedang tidur.

Ayat (2) pula menunjukkan kala kini. Kata kerja *yanaamu* berasal daripada kata dasar (نوم) iaitu *nawum* yang bermaksud 'tidur'. Kata kerja *yanaamu* terbentuk selepas pelaku iaitu subjek Ahmad yang merupakan seorang lelaki tunggal dan tambahan imbuhan *ya-* dan *-u* pada *yanaamu* merujuk kala kini. Dengan kata lain, kata kerja yang menunjukkan sesuatu perbuatan yang berlaku pada masa tersebut. Dalam bahasa Arab Standard, kala depan hanya menambah perkataan '*sa*' atau '*sawfa*' dan hanya mengikut ayat yang sama seperti bentuk ayat kala kini. Contohnya adalah seperti dalam ayat (3):

(3) ***Ahmad sayanaamu.***

Ahmad sa ya naamu
Ahmad akan dia sedang tidur
Ahmad akan tidur.

Kata Kerja Transitif

Frasa kerja transitif ialah frasa kerja yang memerlukan objek penyambut di belakangnya. Menurut Hassan Alwi et.al (2003) dalam ayat aktif, kata nama adalah objek penyambut dan ianya menjadi subjek dalam ayat pasif. Kata kerja transitif tidak boleh berdiri dengan sendirinya tanpa kehadiran objek (Sulaiman Masri & Ahmad Khair Mohd Nor, 2002). Di bawah merupakan contoh kala lampau bahasa Arab Standard:

(4) ***Abbun qudhu as-saiyarotun.***

Abbun qudhu as-saiyarotun
Ayah telah pandu kereta

Ayah telah memandu kereta.

Kata kerja *qudu* berasal daripada kata dasar (قاض) iaitu *qooda* yang bererti 'pandu'. Kata kerja *qudhu* terbentuk selepas pelaku iaitu subjek *abbun* 'ayah' yang merupakan seorang lelaki tunggal dan menunjukkan kala lampau iaitu menunjukkan sesuatu kejadian (perbuatan) yang telah berlaku atau sudah selesai.

(5) *Abbun yaqudhu as-saiyarotun.*

Abbun yaqudhu as-saiyarotun

Ayah dia sedang pandu kereta.

Ayah sedang memandu kereta.

Ayat (5) merupakan contoh bagi kala kini. Kata kerja *yaqudhu* berasal daripada kata dasar (قاض) iaitu *qooda* yang bererti 'pandu'. Kata kerja *yaqudhu* terbentuk selepas pelaku iaitu subjek 'ayah' yang merujuk seorang lelaki tunggal iaitu *abbun* (hasil selepas bertemu pelaku terletak pada imbuhan awal *ya-* pada *yaqudhu*) dan menunjukkan kala kini iaitu sesuatu perbuatan yang sedang dilakukan pada masa tersebut.

(6) *Abbun sayaqudhu as-saiyarotun.*

Abbun sa yaqudhu as-saiyarotun

Ayah akan dia sedang pandu kereta.

Ayah akan memandu kereta.

Tiada perubahan yang ketara pada ayat (6) dengan ayat (5). Cuma berlaku penambahan *sa* yang beerti 'akan' pada awalan kata kerja *yaqudhu*.

Kata Kerja Dwitransitif

Ayat yang mengandungi dua objek dengan satu kata kerja merupakan kata kerja dwitransitif. Ayat di bawah menunjukkan kala lampau:

(7) *Aini hamalat al-haqibatun ila al-madrasah.*

Aini hamalat al-haqibatun ila al-madrasah

Aini telah bawa beg ke sekolah.

Aini telah membawa beg ke sekolah.

Kata kerja *hamalat* berasal daripada kata dasar *hamala* (حمل) yang bermaksud 'bawa'. Kata kerja *hamalat* terbentuk (penambahan *ta* iaitu ت pada hujung kata kerja) selepas pelaku iaitu subjek Aini yang merupakan seorang perempuan tunggal dan menunjukkan kala lampau. Dengan kata lain, kata kerja tersebut menunjukkan kejadian (perbuatan) yang telah berlaku dan sudah selesai. Ayat di bawah pula menunjukkan kala kini:

(8) *Aini tahmilu al-haqibatun ila al-madrosah.*

Aini tahmilu al-haqibatun ila al-madrosah

Aini sedang dia bawa beg ke sekolah.

Aini sedang membawa beg ke sekolah.

Kata kerja *tahmilu* berasal daripada kata dasar *hamala* (حمل) yang bermaksud 'bawa'. Kata kerja *tahmilu* terbentuk (penambahan awalan *ta-* dan akhiran *-u*) selepas pelaku terdiri daripada seorang perempuan tunggal iaitu subjek Aini (perubahan pada imbuhan awalan *ta-*) dan menunjukkan kala kini iaitu sesebuah perbuatan yang dilakukan pada masa tersebut.

(9) *Aini satahmilu al-haqibatun ila al-al-madrosah.*

Aini sa tahmilu al-haqibatun ila al-madrosah

Aini akan sedang dia bawa beg ke sekolah.

Aini akan membawa beg ke sekolah.

Pada ayat (9) berlaku penambahan *sa* pada ayat (8) yang membawa maksud akan di hadapan kata kerja *tahmilu* bagi menunjukkan ianya kala depan.

4.3 Analisis Kerangka Minimalis


Analisis Struktur Kala Lampau Bahasa Arab Standard

Kata kerja tak transitif hanya akan menandakan sama ada argumen dalaman atau luaran yang dapat mengetahui melalui subjek yang ada dalam frasa. Sekiranya subjek berperanan sebagai agen maka kata kerja tersebut dinamakan sebagai kata kerja tak ergatif. Jika subjek itu berperanan sebagai tema penderita, alatan dan lain-lain maka kata kerja tersebut dikatakan sebagai kata kerja tak akusatif atau kata kerja ergatif. Pengkaji menggunakan ayat (1) untuk dianalisis dan ditulis semula sebagai ayat (10).

(10) *Ahmad nawmun*

Ahmad nawmun
 Ahmad telah tidur
 Ahmad telah tidur.

Ayat di atas ini menunjukkan jenis kata kerja tak akusatif. Kata kerja tak akusatif berbeza dengan kata kerja tak ergatif yang berperanan sebagai agen kerana kata kerja jenis ini berfungsi untuk menandakan selain agen pada subjek ayat. Melalui frasa ayat tersebut terdapat dua leksikal iaitu *Ahmad* dan *nawmun*. Kata kerja *nawmun* menunjukkan bentuk kata kerja tak transitif dan ianya tergolong dalam kata kerja tak akusatif. Kata kerja ini memerlukan satu argumen untuk menandakan kasusnya iaitu argumen dalaman. Kata nama Ahmad yang terdapat dalam ayat ini memainkan peranan sebagai subjek. Pada masa yang sama, subjek ini tidak terdiri sebagai agen tetapi wujud sebagai pengalami. Oleh itu, rajah pohon yang terhasil adalah seperti dalam rajah 4.



RAJAH 4. Struktur KK Tak Akusatif Bagi Kala Lampau

Rajah pohon 4 memaparkan struktur frasa kerja tak akusatif kala lampau. Ayat (10) terdiri daripada dua elemen iaitu: {Ahmad, *nawmun*}. Dalam ayat (10) ini, Ahmad merupakan pengalami yang menduduki posisi di hujung ayat iaitu di posisi subjek frasa kerja. Gabungan kata kerja *nawmun* dan Ahmad telah membentuk frasa kerja. Kata kerja *nawmun* menduduki Spek Fk dan mempunyai fitur tak berinterpretasi [uN]. Fitur ini disemak oleh Ahmad tadi. Kata kerja *nawmun* akan bergerak pula ke posisi Spek k' dan meninggalkan bekas di posisi asalnya. Kala yang terlibat ialah kala lepas. Kala mempunyai fitur [ukala: lepas] yang akan bergabung dengan *nawmun* untuk membentuk k', k' dan FK pula akan menjadi adik-beradik dan membentuk Fk. Fitur [uKala: lepas] akan disemak oleh kala melalui perintah-K. Kala dan Fk bergabung membentuk kala'. Ahmad pula akan bergerak

ke posisi Spek FKALA untuk menerima kasus nominatif pada kala'. Kala' dan Ahmad bergabung dan membentuk FKALA.


Analisis Struktur Kala Depan Bahasa Arab Standard

Pengkaji memilih kata kerja transitif bagi menganalisis struktur kala depan bahasa Arab Standard. Frasa kerja transitif ialah frasa kerja yang memerlukan satu objek. Kata kerja transitif tidak boleh berdiri sendiri tanpa kehadiran objek. Ayat (11) merupakan contoh bagi kala depan yang berada dalam frasa kerja transitif:

(11) *Saasmi'u al-aghniahtun.*


Sa a smi'u al-aghniahtun
 Akan saya sedang dengar lagu
 Saya akan mendengar lagu.

Derivasi pada rajah 5) merupakan proses awal dalam pembentukkan struktur frasa kerja transitif yang mana ianya menjadi unsur penting sebagai pembentuk frasa kerja kerana kata kerja mesti diikuti oleh N sebagai objeknya. Derivasi dibawah menunjukkan proses pembentukan struktur frasa kerja melalui operasi gabung, iaitu dengan menghubungkan atau mengabungkan dua leksikal kata kerja *smi'u* dengan frasa nama iaitu *al-aghniahtun*. Pertama sekali adalah fitur pemilihan k, dimana kata kerja *smi'u* memerlukan frasa nama *al-aghniahtun* hadir disebelahnya. Konstituen baru yang dihasilkan dari gabungan ini ditentukan oleh kepala kata kerja *smi'u*. Apabila pemilihan dan gabungan sudah dilakukan, maka proses semak boleh dijalankan ke atas frasa nama seperti dalam rajah dibawah:




RAJAH 5

Seterusnya dalam rajah 6 berlaku penggerakan kata kerja *smi'u* yang berada kembali di bawah posisi frasa kerja yang telah bergerak ke posisi k kecil untuk memenuhi UTAH. Penggerakan ini berlaku kerana kata kerja *smi'u* perlu ditandakan kala. Maka, kata kerja ini bergerak ke posisi cantuman K. Pergerakan yang terjadi akan meninggalkan tanda bekas < > seperti yang terdapat dalam data < smi'u > .




RAJAH 6.

Manakala derivasi dalam rajah (8) di bawah adalah gabungan antara rajah (6) dan (7). Hasil dalam rajah 7 telah bergabung atau naik kepada kedudukan frasa kerja. Penggabungan ini terjadi kerana secara logiknya kata kerja elok diperlukan oleh frasa nama *a* sebagaimana ia diperlukan untuk semak fitur tak berinterpretasi [uN] pada k'. Frasa nama *a* adalah subjek kepada *al-aghniatun*, dan kata nama *a* ditandakan dengan fitur ganti nama diri ketiga dan tunggal [N,3,T]. Rajah adalah seperti berikut:



RAJAH 7.

Dalam struktur frasa kerja 4, *asmi'u* mempunyai fitur kala kini. Apa yang terbentuk disini adalah hasil sebenar selepas berlakunya proses yang disebutkan di atas. Posisi kala telah di isi dengan fitur kala kini kerana kala kini adalah fitur tak berinterpretasi dan perlu disemak. Frasa nama *a* yang mempunyai fitur kata ganti nama ketiga dan tunggal [N,3.T] yang berada dibawah frasa kerja bergerak terus kepada kedudukan Spek Fkala yang menjadi posisinya. Frasa nama *a* bergerak ke Spek Fkala untuk menyemak fitur [uN] pada kala'. Struktur ini merupakan hasil akhir yang diperolehi dan ia ditunjukkan dengan terjadinya dua kali pergerakan. Di bawah merupakan rajah penuh bagi analisis struktur:




RAJAH 8.

Analisis Struktur Kala Kini Bahasa Arab Standard

Kata kerja dwitransitif dipilih bagi menunjukkan analisis struktur kala kini bahasa Arab Standard. Kata kerja dwitransitif atau kata kerja ialah kata kerja yang diikuti dengan tiga argumen. Tanpa kehadiran tiga argumen, binaan frasa kerja tersebut menjadi tidak gramatis. Ayat (12) di bawah ini menunjukkan binaan frasa kerja dwitransitif kala kini bahasa Arab Standard:

(12) **Ahmad *yu'tir* al-qolamun ila Fatimah.** |
 Ahmad *yu'tir* al-qolamun ila Fatimah|
 Ahmad dia sedang beri pen kepada Fatimah
 Ahmad sedang memberikan pen kepada Fatimah.

Kata kerja *yu'tir* memerlukan tiga argumen dan salah satunya adalah frasa preposisi. Frasa preposisi ini kemudiannya menyemak kata kerja *yu'tir* dan membentuk nodus K'. Satu fitur [uN] pada kata kerja *yu'tir* yang belum disemak diprojeksi ke K' dan disemak dengan kata nama rantai. Kedua-dua kata ini bergabung membentuk FK. Kemudian, kata kerja *yu'tir* digerakkan ke atas dan bergabung dengan FK bagi membentuk k'. Fitur [uN] pada k diprojeksi ke k' untuk disemak dengan kata nama yang akan bergabung dengannya dan seterusnya dihapuskan. Proses ini membentuk Fk. Bagi menentukan kala yang dibawa oleh kata kerja yang hadir, Fk bergabung dengan kala [kini] yang juga memberi fitur kepada kata kerja. Fitur ini kemudian disemak dan dihapuskan. Gabungan Fk dan kala [kini] menghasilkan KALA'. Kata nama pada Fk digerakkan ke atas bergabung dengan KALA' menghasilkan Fkala. Rajah 9 di bawah menunjukkan analisis struktur bagi ayat (12):



RAJAH 9.

5. Rumusan dan Cadangan

Analisis data telah dihuraikan dalam bentuk deskriptif mengikut objektif kajian yang telah dikemukakan. Kesemua data kemudiannya dianalisis mengikut kaedah analisis sintaksis. Binaan kata kerja bahasa Arab Standard yang terdiri daripada VSO iaitu pelaku-subjek-objek ternyata berbeza dengan struktur bahasa Melayu Standard yang kebanyakannya ialah SVO iaitu subjek-pelaku-objek. Kata kerja kala lampau dan kala kini dalam bahasa Arab

Standard berubah bentuk mengikut kata ganti nama (dhamir) yang berjumlah 14 bilangan yang diatur mengikut kesesuaian gender dan bilangan pelaku.

Frasa kerja bahasa Arab Standard dilihat berbeza jika dibandingkan dengan frasa kerja bahasa Melayu. Oleh itu, pengkaji cuba mengkategorikan frasa kerja bahasa Arab Standard kepada kata kerja transitif, kata kerja tak transitif dan kata kerja dwitransitif. Berdasarkan pengkategorian tersebut, dapat dibuktikan bahawa struktur bahasa Arab Standard ternyata berbeza dengan struktur bahasa Melayu. Kala bahasa Arab Standard mengikut rapat kata kerjanya. Oleh sebab itu, kata kerjanya berubah-ubah mengikut bentuk ayat tidak seperti kala bahasa Melayu yang hanya perlu menambah kata aspek di hadapan kata kerja yang langsung tidak berubah mengikut waktu.

Selain maklumat dan huraian secara deskriptif, data telah dianalisis dengan menggunakan kerangka minimalis. Oleh sebab itu, rajah pohon dibina dari struktur bawah kemudian bergerak ke binaan seterusnya. Proses-proses yang terdapat dalam rajah pohon adalah gabung, cantuman, semakan, memberi nilai, keserasian dan proses gerak. Kesemua proses ini digunakan oleh pengkaji untuk menghasilkan sebuah rajah pohon yang lengkap dan proses-proses ini dapat menghuraikan struktur binaan kala bahasa Arab Standard dengan baik.

Rujukan

- Abd Rauf Bin Dato' Hassan Azhari. (2004). Sejarah dan Asal-usul Bahasa Arab: Satu Kajian Linguistik Sejarahawi. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum* 12(2): 135-141
- Al-Aqad, M.H. (2013). Syntactic Analysis of Arabic Adverb's Between Arabic and English: X Bar Theory. *International Journal of Language and Linguistics* 1(3): 70-74
- Al-Asbahy, M. A & Syed Aleemuddin. (2016). Tenses in Arabic Language. *Global Journal for Research Analysis*. 5(6): 175-181
- Al-Yasu'iy, R. N. (1986). *Chara'ib al-Lughah al-'Arabiyyah*. Beirut: Dar al-Masyriq.
- Chomsky, N. 1995. *The Minimalist Program*. London: England.
- Comrie, B. (1998). *Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin & Harishon Radzi. (2010). Kata Kerja Transitif Bahasa Mendriq: Kerangka Program Minimalis. *Jurnal Melayu* (5)2010: 409-423
- Fokker, A.A. (1954). *Ichtisar tatabahasa Latin*. Jakarta: Penerbit Djambatan.
- Hartman, R.R.K. & Stork, F.C. (1976). *Dictionary of Language and Linguistics*. London: A.S.P Ltd.
- Hornby, A.S. (1975). *Guide to Patterns and Usage in English*. London: ELBS
- Houtman, F. (1603). *Spraeck ende word-boeck, inde Malaysche ende Madagaskarsche Talen met vele Arabische ende Tursche woorden: Inhoudende twaalf tsamensprekinghen inde maleysche ende drie inde Madagaskarsche spraken met alderhande woorden ende namen ghestelt naer ordre vanden A.B.c. alles in Nederduytsch verduyts*. Amsterdam: Jan evertsz. Cloppenburch Boeckvercoper op „t Water inden groten Bijbel.
- Karim Harun & Maslida Yusuf. (2013). Tenses in 17th Malay Grammar: Dutch Perspectives. *GEMA Online Journal of Language Studies* 13(2): 135-148
- Mansur Akil. (2009). Aspek, Adverbia Waktu, Dan Kala Dalam Bahasa Inggris Dan Bahasa Indonesia (Aspect, Adverb of Time, and Tenses in English and Indonesian). *Sawerigading* 15(3): 329-335

- Mohammed Taha, Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Mohamed Subakir. (2016). 'The Syntax of Unergative Predicates in Sudanese Arabic'. *Journal of Education and Social Sciences* 4(6): 382-387
- Nik Safiah, Karim Farid M. On, Hashim Hj. Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2004). *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ni'mah, F. (1973). *Mulakhos Qowa'id Al-lughah Al-'arabiah*. Kaherah: Dar Al-'amraji Publishing.
- Quirk, R; Greenbaum, S; Leech, G; & Jan Svartvik, J. (1985). *Comprehensive Grammar of the English Language Hardcover*. London: Longman.
- Radford, A. (1997). *Syntax: A Minimalist Introduction*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Siti Khaotijah Binti Mohammad. (2003). Analisis Kausatif Bahasa Melayu Berdasarkan Korpus Menggunakan Pendekatan Minimalis. Tesis Dr. Fal, Universiti Sains Malaysia.
- Sulaiman Masri & Ahmad Khair Mohd Nor. (2002). *Tatabahasa Melayu Mesra Pengguna*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Van Wijk, D.G. (1909). *Tata bahasa Melayu*. Ter. Jakarta: Penerbit Djambatan.
- Zainur Rijal B. Abdul Razak & Mahmoud Mohammed Ali. (2014). Perbezaan di antara Kata Kerja Berimbuhan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik* 18(1): 35-47.